

PERMASALAHAN PENGURUSAN MAKLUMAT ISLAM DI INSTITUSI MAKLUMAT MALAYSIA: SATU ANALISA

Mohd Nor Mamat
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam
Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor

Abstrak: Aspek pengurusan maklumat secara menjurus kepada maklumat Islam sering dibincangkan tetapi tidak menjurus kepada aspek pengurusan secara terperinci dan mendalam. Penyelidikan ini dijalankan untuk meninjau bentuk dan tahap permasalahan yang wujud dalam konteks pengurusan maklumat Islam secara spesifik sebagai langkah untuk mendepani arus penguasaan maklumat dan ilmu masa depan. Ketergantungan umat Islam kepada aplikasi pengurusan maklumat daripada barat menyebabkan luntarnya keprihatinan dan kesedaran betapa maklumat Islam perlu diurus sewajarnya menurut acuan Ilahi. Penyelidikan ini menemui beberapa rumusan yang amat signifikan berkaitan kecelaruan, kekeliruan dan permasalahan pengurusan maklumat di institusi maklumat di negara kita. Hasil analisa dan temubual responden diadun bagi merealisasikan bentuk-bentuk solusi efektif termasuklah cadangan aspek-aspek penambahbaikan kepada aplikasi pengurusan maklumat Islam semasa, adaptasi aplikasi sains Al Quran dan Al Hadis serta tafsiran etika yang diekstrakkan daripada nas wahyu dan sirah Nabi Muhammad SAW. Input literatur tersebut dipermantapkan dengan ulasan dan pandangan hasil temubual tokoh sains maklumat dan ilmuan seperti para mufti

Kata kunci: Pengurusan maklumat, Islam, Institusi maklumat

PENGENALAN

Kemahiran untuk menguruskan maklumat secara Islam dan menguruskan maklumat Islam adalah dua perkara yang sama penting. Kesedaran masyarakat dunia tentang kepentingan maklumat dan ilmu menjalar sebagai arus perdana yang tidak dapat tidak mesti dihadapi dan bersedia untuk menguasainya. Kepakaran pengurusan maklumat ini perlu dimantapkan lagi dengan kemahiran khusus dalam aspek maklumat dan ilmu Islam yang masih ketandusan. Ini amat sesuai dengan usaha kerajaan sekarang yang sedang giat menyediakan prasarana ke arah muncul sebagai pusat ilmu dan maklumat serantau di sebelah Asia, dengan imej sebuah negara Islam. Solusinya adalah dengan kewujudan pakar profesional maklumat Islam yang faham dan mahir mengekstrakkan maklumat atau ilmu ke dalam wajah yang suci dan bermanfaat untuk umat. Penyelidikan ini menfokuskan permasalahan yang timbul dan solusi dalam konteks menguruskan maklumat berkaitan Islam secara khusus yang terkandung dalam bidang agama Islam menurut aplikasi pengurusan maklumat semasa. Pandangan dan maklumbalas dikumpulkan secara langsung daripada institusi yang terlibat dengan maklumat Islam dan juga institusi autoriti Islam representatif.

Kita tidak boleh menafikan bahawa hampir semua pusat maklumat dan ilmu secara langsung atau tidak terlibat dengan aspek maklumat dan ilmu Islam. Institusi maklumat Islam boleh didefinisikan perpustakaan, pusat sumber, pusat dokumentasi, perpustakaan khusus dan apa saja pusat yang berkaitan dengan pengurusan maklumat yang bertanggungjawab menyebar dan mengumpul maklumat Islam. Walaubagaimanapun dalam pengertian yang luas, setiap pusat sumber maklumat dan perpustakaan di Malaysia sama ada secara langsung atau sebaliknya terlibat dengan pengurusan maklumat tentang Islam sama ada untuk tujuan penyelidikan mahupun penyebaran maklumat untuk kemanfaatan para pengguna perpustakaan khususnya masyarakat Islam (Shaharom TM Sulaiman, 1997: 9) [1].

Data statistik pada tahun 1997 menganggarkan terdapat 10 ribu perpustakaan pelbagai jenis di Malaysia merangkumi; perpustakaan universiti, perpustakaan akademik, perpustakaan khusus, perpustakaan awam negeri, perpustakaan dachrah, perpustakaan wilayah, perpustakaan desa, perpustakaan bergerak dan perpustakaan sekolah (Shaharom TM Sulaiman, 1997: 10) [1]. Dalam kelompok ini, bilangan perpustakaan akademik di peringkat pengajian tinggi sahaja; yang sudah pasti terlibat dalam pengurusan koleksi maklumat Islam sama ada secara major atau minor mencecah hampir 800 buah/pusat pengajian tinggi awam dan swasta (Timbalan Naib Canselor UiTM: 6 Mei 2002).

Dalam hal ini, kita boleh rumuskan senario perkembangan institusi maklumat di Malaysia sebagai sangat menggalakkan, dengan kesedaran masing-masing untuk bersedia menghadapi era k-dunia pada masa depan.

Terdapat dua konsep institusi yang ketara di Malaysia; iaitu institusi maklumat berasaskan Islam dan institusi Islam berasaskan maklumat. Secara umumnya kategori kedua tersebut termasuklah pelbagai institusi yang terlibat secara tidak langsung dengan aspek maklumat seperti Jabatan Agama Islam, Jabatan Mufti, mahkamah syariah dan lain-lain menunjukkan minat ke arah kelahiran profesional maklumat Islam. Institusi Maklumat Berasaskan Islam atau juga boleh dikenali sebagai pusat maklumat adalah terdiri daripada perpustakaan, pusat rekod, muzium dan arkib manakala Institusi Islam Berasaskan Maklumat pula yang dikenali sebagai agensi maklumat adalah institusi Islam yang terlibat dengan aspek pengurusan maklumat secara langsung seperti jabatan agama, jabatan kehakiman syariah, yayasan Islam, majlis keagamaan ataupun institusi mufti dan sebagainya. Realitinya, semua institusi yang terlibat dalam aspek pengurusan maklumat adalah terlibat dengan pengurusan maklumat Islam secara langsung atau tidak langsung dan ini menjadi ikon senario yang realistik terhadap suasana perkembangan maklumat di Malaysia hari ini. Pengurusan maklumat Al Quran dan Al Hadis menggambarkan keutamaan Islam terhadap konsep ilmu adalah jelas. Wahyu yang diturunkan bukanlah semata-mata maklumat tetapi ia dipakejkan dalam bentuk ilmu yang tersusun dan teratur. Beberapa sub disiplin ilmu dalam pengurusan Al Quran dan Al Hadis memperkuat hujah bahawa Rasulullah, para sahabat dan sarjana Islam selepas mereka merupakan tokoh yang sangat mengambil berat soal pengurusan ilmu. Hari ini, isu masyarakat berilmu (k-society), pekerja berilmu (k-worker), ekonomi berteraskan ilmu (k-economy) dan lain-lainnya telah membawa arus baru bagi menggantikan persekitaran maklumat (information environment). Masyarakat dunia terutamanya di barat baru menyedari betapa pentingnya ilmu berbanding maklumat, malah aspek pengurusan termasuk pengaksesan, pemakejan, peng storan dan pengsebaran maklumat diberi perhatian yang penting lantaran letusan maklumat yang berlebihan telah menyebabkan hilang kawalan maklumat serta tumbuhnya kecelaruan dalam masyarakat.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Keseluruhan responden yang dijalankan penyelidikan terhadap mereka adalah sebanyak 250 institusi manakala data maklumbalas yang diperolehi adalah sebanyak 184 institusi. Ini bermakna keseluruhan maklumbalas yang diperolehi adalah pada paras 73.6 peratus berbanding 26.4 peratus responden yang tidak memberikan sebarang maklumbalas.

Di kalangan responden yang memberikan maklumbalas, analisa mendapati sebanyak 84.8 peratus adalah terdiri daripada jenis institusi kerajaan manakala 10 peratus adalah daripada jenis institusi swasta dan 1.2 peratus adalah daripada institusi Islam bukan kerajaan. Manakala dalam konteks autoriti responden yang memberikan jawapan serta maklumbalas, analisa mendapati lebih separuh atau 50.5 peratus yang memberikan maklumbalas adalah daripada pengurusan tertinggi institusi terbabit sementara 36.4 peratus adalah daripada pengurusan menengah. Ini membayangkan suatu pengesahan yang signifikan terhadap maklumbalas yang diberikan dengan 86.9 peratus adalah autoriti yang mewakili institusi responden di peringkat menengah dan atasan.

Analisa mendapati majoriti responden adalah mewakili institusi pengurusan maklumat dalam bentuk bercetak atau kombinasi media bercetak dan elektronik iaitu sebanyak 91.9 peratus. Dalam konteks jumlah atau kadar perkaitan terhadap pengurusan maklumat Islam, analisa mendapati hanya 3 responden yang memberikan jawapan tidak terlibat langsung dengan maklumat Islam manakala selebihnya memberikan gambaran penglibatan secara langsung dengan maklumat-maklumat Islam. Data ini memberikan satu rumusan yang amat signifikan bahawa persoalan sama ada semua maklumat memiliki hubungan dengan subjek Islam memerlukan tinjauan yang lebih teliti; atau kesamaran pengurus maklumat hari ini berkaitan subjek maklumat Islam masih kabur.

Analisa mendapati bilangan yang agak besar di kalangan institusi maklumat Islam yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan pengurusan maklumat hari ini tidak begitu prihatin dengan sistem yang digunakan, analisa mendapati 22.8 peratus responden adalah institusi yang

terlibat dengan pengurusan maklumat tetapi tidak memiliki atau menggunakan sebarang sistem klasifikasi maklumat. Begitu juga, terdapat maklumbalas responden sebanyak 6 peratus yang memberikan jawapan sistem yang digunakan adalah 'lain-lain' termasuklah sistem klasifikasi e-syariah dan sebagainya. Ini juga membayangkan situasi yang amat signifikan, menunjukkan tahap pengetahuan serta kemahiran berkaitan pengurusan maklumat berdasarkan sistem klasifikasi yang terpiawai atau bertaraf global adalah masih rendah terutama di institusi Islam yang berkait dengan pengurusan maklumat manakala majoriti institusi maklumat yang terlibat dengan pengurusan maklumat Islam pula menggunakan Sistem Klasifikasi Perpuluhan Dewey (DDC) atau Sistem Klasifikasi Kongres Perpustakaan (LCC). Analisa ini juga menjelaskan kewujudan alternatif sistem klasifikasi berteraskan Islam seperti Islam Outline Scheme of Classification oleh Ziauddin Sardar [2] kurang mendapat sambutan meskipun di kalangan institusi maklumat yang menguruskan majoriti maklumat Islam; analisa mendapati hanya 4.9 peratus.

Analisa demografi keseluruhannya memberikan satu rumusan yang jelas iaitu responden yang dipilih merangkumi keseluruhan skop yang menjadi subjek dan sasaran penyelidikan ini. Data yang diperolehi daripada analisa demografi adalah amat berguna untuk dijalankan analisa bersilang (cross tabulation) bagi mendapatkan senario permasalahan dalam pengurusan maklumat Islam hari ini secara realistik.

Senario Permasalahan Pengurusan Maklumat Islam

Secara umum, responden bersetuju bahawa maklumat Islam pada hari ini telah dan sedang berkembang secara pesat. Ini dibuktikan oleh analisa yang menunjukkan 80.5 peratus responden menyatakan amat bersetuju dan bersetuju dengan perkembangan pesat maklumat Islam sementara 13 peratus memberikan jawapan tidak pasti. Walaubagaimanapun dalam konteks kesedaran berkaitan situasi maklumat Islam pada hari ini yang dirasakan tidak terurus secara sewajarnya menunjukkan bahawa wujud ketidakpastian dalam hal ini. Sebanyak 30.4 peratus responden yang memberikan jawapan tidak pasti; berkemungkinan sama ada tidak begitu arif berkaitan pengurusan maklumat Islam secara sebenar ataupun kesamaran dalam aspek aplikasi pengurusan semasa. Sebanyak 38.1 peratus bersetuju dengan kenyataan yang mengatakan maklumat Islam pada hari ini tidak begitu terurus secara sistematik (menurut perspektif Islam yang sebenar); kebanyakannya adalah daripada institusi Islam manakala 25.5 peratus kurang bersetuju; majoritinya adalah responden daripada institusi maklumat yang mahir dan sehati dengan aplikasi pengurusan maklumat hari ini. Data ini boleh menjelaskan terdapatnya situasi kekeliruan dan kecelaruan dalam aspek pengurusan maklumat Islam di institusi maklumat hari ini.

Analisa tersebut amat berkait rapat dengan aspek berikutnya iaitu situasi kekeliruan dalam pengaksesan maklumat Islam di institusi maklumat hari ini. Analisa mendapati 46.2 peratus mengatakan berlakunya kesukaran dan kekeliruan dalam pengaksesan maklumat Islam sementara 22.8 peratus mengatakan kurang bersetuju dengan kewujudan situasi tersebut. Terdapat juga persoalan pada sesetengah jawapan responden yang tidak bersetuju bahawa maklumat Islam tidak terurus secara sistematik sedangkan pada masa yang sama, institusi tersebut tidak menggunakan sebarang sistem klasifikasi yang terpiawai; hanya mengelaskan bahan maklumat kepada kategori bahasa Arab, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Kita masih dapati peratus yang agak besar yang tidak pasti atau keliru untuk memberikan maklumbalas sama ada wujud situasi tersebut ataupun tidak di institusi maklumat hari ini. iaitu sebanyak 23.9 peratus.

Kedua-dua data tersebut di atas adalah amat berkait dengan analisa yang diperolehi daripada responden berkaitan situasi kesukaran dan kekeliruan pengaksesan maklumat Islam di institusi responden. Analisa mendapati 31.5 peratus masih tidak pasti dalam memberikan maklumbalas berkaitan hal ini. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan aspek kemahiran berkaitan maklumat Islam atau disebabkan aktiviti pengaksesan maklumat Islam berlaku secara minor di institusi responden. Walaubagaimanapun, simptom ini adalah signifikan bagi menjelaskan situasi ketidakpastian dan kecelaruan dalam memahami aspek pengurusan maklumat Islam hari ini. Begitu juga dalam konteks kefahaman berkaitan karakter profesional maklumat yang mahir dengan pengurusan maklumat Islam, analisa mendapati peratus yang tidak pasti sama ada profesional maklumat Islam mudah ataupun sukar didapati dalam negara; sebanyak 21.2 peratus memberikan jawapan tidak pasti manakala 30.4 peratus tidak bersetuju. Walaupun demikian, data yang diperolehi daripada responden boleh diterima sebagai pengesahan kepada hipotesis penyelidikan ini di mana majoriti iaitu 41.3 peratus responden bersetuju tentang kesukaran mendapatkan profesional maklumat yang mahir dengan pengurusan maklumat Islam.

Maklumbalas seterusnya menunjukkan simptom yang sangat signifikan dalam konteks tahap keperluan kepada aspek kemahiran pengurusan maklumat Islam. Nilai min bagi tahap keperluan kepada profesional pengurusan maklumat Islam adalah amat tinggi iaitu 4.46, sementara min analisa bagi kemungkinan manfaat daripada pengurusan maklumat Islam secara lebih sistematik kepada pengguna adalah 4.57 manakala min bagi kemungkinan peningkatan aspek kepantasan dan ketepatan akses maklumat Islam adalah 4.28. Begitu juga min bagi tahap persetujuan responden berkaitan kewujudan profesional maklumat Islam dikaitkan dengan peningkatan efisiensi institusi berkenaan adalah tinggi iaitu 4.30. Secara umumnya 95.7 peratus responden pula bersetuju dengan aplikasi pengurusan maklumat Islam yang lebih sistematik akan memanfaatkan pengguna dan umum, manakala 89.7 peratus bersetuju bahawa kewujudan profesional maklumat Islam akan meningkatkan kepantasan dan ketepatan aspek pengurusan maklumat dan analisa juga menunjukkan 90.8 peratus responden menyatakan tahap keefisienan institusi mereka akan lebih meningkat dengan kewujudan profesional maklumat Islam tersebut dan pada masa yang sama 94.5 peratus responden bersepakat bahawa efisiensi pengurusan maklumat Islam meningkat dengan kewujudan profesional maklumat yang mahir.

Analisa data ini memberikan gambaran yang jelas tentang kesahan hipotesis penyelidikan ini bahawa keperluan kemahiran pengurusan maklumat Islam di institusi maklumat di Malaysia adalah sangat tinggi.

Aspek Kemahiran Pengurusan Maklumat Yang Diperlukan

Beberapa aspek yang disenaraikan termasuklah kemahiran klasifikasi maklumat di bawah subjek 'Islam', keperluan piawaian etika pengurusan maklumat Islam, kemahiran asas bahasa Arab atau tulisan jawi dan kemahiran memahami kandungan bagi tujuan analisis perolehan secara bijak. Malah maklumbalas daripada responden tokoh terutamanya di kalangan pengarah dan ketua pegawai eksekutif perpustakaan awam serta ketua pustakawan perpustakaan akademik di institusi pengajian tinggi menyarankan agar kemahiran berkaitan sistem klasifikasi maklumat Islam diselaraskan supaya dijadikan satu piawaian yang global dengan ciri-ciri penyesuaian lokal (tempatan), bukan sahaja sistem klasifikasi bahan maklumat di bawah perkara Islam tetapi juga merangkumi aspek pengkatalogan untuk tajuk perkara 'Islam'. Analisa mendapati 95.1 peratus responden menyarankan agar profesional maklumat yang terlibat dengan maklumat Islam mesti memiliki kemahiran klasifikasi maklumat Islam. Sementara itu, 92.4 peratus responden menyarankan agar profesional maklumat mesti memiliki kemahiran atau pengetahuan etika menurut Islam untuk diaplikasi dalam karier pengurusan maklumat Islam. Dalam konteks yang lain, analisa mendapati 84.3 peratus bersetuju agar profesional maklumat yang terlibat dengan maklumat Islam mestilah memiliki kemahiran bahasa Arab manakala 94.6 peratus responden bersepakat bahawa profesional maklumat Islam mestilah memiliki kemahiran menganalisis kandungan subjek Islam bagi tujuan pengurusan perolehan secara bijak. Terdapat maklumbalas daripada responden yang tidak pasti dalam konteks keperluan kemahiran bahasa Arab yang agak tinggi berbanding aspek kemahiran yang lain iaitu 9.2 peratus. Berdasarkan tinjauan ke beberapa institusi maklumat di seluruh negara, ini adalah disebabkan oleh ketiadaan relevansi bahan maklumat berbahasa Arab di sesetengah institusi maklumat seperti perpustakaan awam negeri-negeri atau perpustakaan akademik yang memiliki bahan maklumat Islam secara minor.

Tahap Kepentingan Profesional Maklumat Islam

Penyelidikan ini mendapati 63.5 peratus responden bersetuju dengan pandangan bahawa semua institusi maklumat adalah terlibat dengan pengurusan maklumat Islam sama ada secara major ataupun minor. Analisa maklumbalas mendapati 25.5 peratus responden tidak pasti manakala 10.4 peratus responden kurang dan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Gambaran sebegini diperjelaskan oleh responden tokoh di kalangan pengarah dan ketua pustakawan perpustakaan akademik serta para mufti yang ditemubual, keseluruhannya bersetuju bahawa semua institusi adalah terlibat dengan maklumat Islam sekurang-kurangnya dalam kuantiti yang kecil ataupun sederhana. Ini memberikan gambaran bahawa wujudnya kekeliruan atau ketidakseimbangan dalam kefahaman dan keprihatinan golongan pengurus maklumat hari ini berkaitan maklumat Islam. Dengan rumusan bahawa semua institusi maklumat adalah berkaitan dengan pengurusan maklumat Islam, maka analisa data ini merupakan sesuatu yang sangat signifikan iaitu hampir semua institusi maklumat adalah memerlukan profesional maklumat Islam sama ada secara major ataupun minor.

Analisa juga mendapati 76.7 peratus responden memerlukan profesional maklumat Islam manakala 13.6 peratus memberikan jawapan tidak pasti dan hanya 8.7 peratus yang kurang berminat untuk mendapatkan khidmat profesional maklumat Islam di institusi mereka. Ini memberikan gambaran pasaran yang amat terbuka bagi profesional maklumat yang mahir dengan pengurusan maklumat Islam di samping menunjukkan satu indikator yang jelas berkenaan tahap keperluan profesional maklumat Islam di institusi maklumat di Malaysia.

Tahap Keperluan Piawaian Pengurusan Maklumat Islam

Analisa data menunjukkan keperluan kepada piawaian pengurusan maklumat Islam yang seragam adalah sangat tinggi. Responden umum sebanyak 91.8 peratus bersetuju bahawa keperluan piawaian sistem klasifikasi maklumat Islam adalah sangat tinggi. Manakala keseluruhan tokoh responden yang ditemui daripada kalangan pengarah atau ketua pegawai eksekutif perpustakaan awam dan ketua pustakawan perpustakaan akademik institusi pengajian tinggi seluruh negara mencadangkan agar piawaian sistem klasifikasi bagi subjek 'Islam' di bawah kelas 297 (DDC) atau BP (LCC) dibentuk satu piawaian yang lebih kemas dan menepati kandungan Islam. Responden juga bersetuju untuk mencadangkan agar dibentuk suatu piawaian aplikasi pengurusan maklumat Islam secara menyeluruh. Sebanyak 91.3 peratus responden bersetuju mencadangkan agar aplikasi pengurusan maklumat diselaraskan dengan satu piawaian. Temubual bersama tokoh-tokoh responder juga membayangkan agar suatu piawaian yang bercirikan lokal (tempatan) tetapi universal untuk digunakan secara global. Malah beberapa responden tokoh mengusulkan agar sistem piawaian pengurusan maklumat Islam boleh diselaraskan dengan negara-negara Islam lain yang merupakan sumber koleksi maklumat Islam seperti negara-negara di timur tengah. Analisa yang dibuat hasil daripada maklumbalas responden tokoh juga menggambarkan satu simptom yang amat signifikan berkaitan dengan kecelaruan faham dalam aspek pengurusan maklumat Islam yang tidak selaras. Tokoh daripada MIMOS Berhad umpamanya menyatakan maklumat Islam tidak sukar diakses sekiranya digunakan sistem klasifikasi global seperti Sistem Klasifikasi Perpustakaan Dewey (DDC) atau Sistem Klasifikasi Kongres Perpustakaan (LCC) manakala beberapa tokoh yang lain seperti dari Institut Kefahaman Islam Malaysia, Muzium Negara, Ketua Pustakawan Universiti Malaya dan lain-lain menganggap sistem tersebut terlalu terhad dalam bidang 'Islam' yang merupakan faktor kekeliruan dan kesukaran akses maklumat Islam.

CADANGAN DAN KESIMPULAN

Rumusan Penemuan

Keperluan ada satu piawaian tajuk perkara (subject heading) untuk perkara Islam. Buat masa ini, tinjauan ke institusi maklumat dalam negara mendapati berlaku beberapa kaedah pengkatalogan bahan maklumat telah wujud dan dipraktikkan secara tidak seragam. Institusi perpustakaan awam di Sabah dan Sarawak menggunakan khidmat kepakaran organisasi Islam seperti HIKMAH (Sarawak) dan USIA (Sabah) untuk pengkatalogan tajuk perkara di bawah subjek Islam. Sementara praktis di Semenanjung, Universiti Teknologi Malaysia umpamanya mempunyai pecahan sub-perkara yang tersendiri di bawah aplikasi sistem DDC dan LCC, begitu juga Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaya dan lain-lain. Institusi Islam pula didapati tidak begitu terikat dengan piawaian pengkatalogan bahan maklumat seperti di atas. Perpustakaan Awam Islam Malaysia di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia pula menggunakan Islam Outline of Classification Scheme di mana piawaianya agak sukar difahami oleh pengurus maklumat yang telah biasa dengan sistem LCC dan DCC. Penyelidikan ini menemui rumusan bahawa subjek perkara untuk bidang Islam adalah bercelaru dan memerlukan satu piawaian di peringkat nasional dan global.

Keperluan ada satu piawaian tambahan [extension] bagi sistem klasifikasi maklumat di institusi maklumat di Malaysia. Penyelidikan ini mendapati beberapa institusi memiliki tambahan klasifikasi yang tersendiri bagi sub bahagian Islam. Antara yang didapati agak tersusun termasuklah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia sementara Perpustakaan Awam Islam Malaysia menggunakan tambahan sub bahagian tersendiri kepada Islam Outline of Classification Scheme. Ini menyebabkan kekeliruan kepada pengguna dalam aspek pengaksesan dan pengkelasan secara berkesan.

Penyelidikan merumuskan bahawa terdapat kecelaruan dalam penambahan sub-perkara bagi menguruskan bahan-bahan maklumat Islam untuk tujuan mengelakkan kesukaran stor dan akses maklumat Islam, yang disesuaikan secara seragam bagi seluruh negara.

Penyelidikan mendapati hanya autoriti perpustakaan Universiti Malaya yang mewakili tokoh responden, yang memiliki profesional pengurusan maklumat yang berkemahiran tinggi dalam aspek penguasaan kandungan maklumat Islam, klasifikasi maklumat Islam serta kemahiran bahasa Arab dan jawi sementara yang lain hanya di peringkat sederhana atau rendah. Penyelidikan merumuskan bahawa permasalahan yang agak ketara di institusi maklumat Islam adalah berkisar kepada aspek kefahaman kandungan, klasifikasi maklumat, kemahiran bahasa Arab atau jawi serta penghayatan etika Islam.

Penyelidikan merumuskan terdapat dua bentuk permasalahan iaitu; kelemahan dalam aspek sains aplikasi pengurusan maklumat yang terpiawai di peringkat global (permasalahan ini wujud di institusi Islam berasaskan maklumat) dan kelemahan aspek penguasaan elemen keperluan khusus dalam pengurusan maklumat Islam (permasalahan ini wujud di institusi maklumat yang menguruskan maklumat Islam). Mufti Negeri Johor umpamanya, meletakkan elemen kemahiran sains pengurusan maklumat dan ICT sebagai kelemahan dalam menguruskan maklumat Islam di institusi tersebut sedangkan pada masa yang sama di institusi maklumat umum meletakkan cabaran kekurangan penguasaan bahasa Arab, kelemahan dalam memahami kandungan Islam serta etika pengurusan maklumat Islam sebagai permasalahan yang memerlukan penyelesaian. Permasalahan yang dikenalpasti juga adalah kewujudan sistem persendirian yang tidak seragam dan boleh menimbulkan kekeliruan pengguna. Institusi Islam yang menguruskan bahan maklumat seperti institusi mufti mungkin boleh dianggap autoritatif dalam hal ehwal berkaitan maklumat Islam; mengguna pakai sistem pengkelasan yang tersendiri dan pelbagai. Tinjauan di institusi mufti Terengganu menunjukkan terdapat klasifikasi yang terfokus kepada aspek ilmu Al Quran, Al Hadis, Usul Fiqh dan sebagainya sedangkan pada masa yang sama institusi ini merupakan pusat rujukan induk berkaitan Islam. Begitu juga sub tambahan yang dibuat oleh perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia umpamanya adalah terperinci berdasarkan penambahan yang disesuaikan di institusi terbabit. Penyelidikan ini dapat merumuskan bahawa wujudnya keperluan aplikasi sistem pengurusan maklumat tetapi pada masa yang sama tidak terdapat sebarang piawaian sebagai asas panduan dan rujukan bersama.

Cadangan Susulan

Satu penyelidikan susulan berkaitan piawaian tajuk perkara (subject heading) dan tambahan sub bahagian klasifikasi (sub division of classification) dalam pengurusan maklumat semasa. Adalah dicadangkan agar piawaian tersebut berorientasikan kesesuaian negara dan dalam masa yang sama bersifat global. Aplikasi sistem yang diguna pakai secara meluas pada hari ini majoritinya adalah berdasarkan LCC atau DDC lebih mengutamakan aspek bidang agama Kristian dan Yahudi berbanding Islam yang hanya diskopkan sebagai agama minor dengan satu kod sub-bidang untuk beberapa agama selain Kristian dan Yahudi. Sebagai sebuah negara Islam model di dunia, penyelidikan yang rapi perlu dibuat segera dengan rujukan secara fokus kepada penambahan prioriti sub-bidang Islam secara tepat dan wajar. Sistem ini dibuat dengan penyesuaian kepada keperluan sebuah negara Islam yang meletakkan Islam sebagai agama tertinggi berbanding Kristian dan Yahudi, apatah lagi koleksi maklumat yang diuruskan dalam negara kita juga majoritinya adalah Islam berbanding kedua agama tersebut. Kod BP (LCC) dan 297 (DDC) perlulah diklasifikasikan kepada agihan sub yang tepat dan mudah difahami. Draf piawaian tersebut dicadangkan agar dijalankan secara bersama dengan Sekretariat Persidangan Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (PERPUN) serta Library Congress Committee [LC] atau OCLC Committee (DDC).

Satu program kemahiran khas berkaitan pengurusan maklumat Islam adalah perlu dilaksanakan segera bagi menampung kelemahan aspek tersebut yang berlaku dalam sistem pengurusan maklumat Islam negara masa kini di samping menambah baik pengurusan maklumat secara umum. Dua kaedah alternatif yang dicadangkan hasil daripada pandangan dan input daripada tokoh serta praktisioner pengurusan maklumat semasa:

1. Satu modul khas berkaitan kemahiran pengurusan maklumat yang digunapakai secara global (konsep, objektif, kaedah serta aplikasi sistem pengkatalogan dan penkelasan) dengan sasaran adalah kumpulan yang berkemahiran dalam bidang pengajian Islam dan bahasa Arab.

2. Satu modul khas berkaitan kefahaman asas maklumat Islam, klasifikasi maklumat Islam dan kemahiran bahasa Arab dengan sasaran adalah kumpulan yang berkemahiran dengan aplikasi pengurusan maklumat umum.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) menjadi perintis kepada aspek tersebut memandangkan kepada pengalaman universiti sebagai satu-satunya institusi dalam negara yang menjalankan kursus sains pengurusan maklumat di peringkat sijil, diploma, ijazah dan seterusnya sehingga ke peringkat kedoktoran, di samping kepakaran pelbagai termasuk skop kemahiran Islam yang boleh dijana secara optimum. Pihak Universiti sama ada menerusi Fakulti Pengajian Maklumat atau Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam perlulah mengambil langkah inovatif untuk memulakan program latihan sebegini sama ada di peringkat sijil lepasan ijazah ataupun sijil pprofesional dengan pasaran yang cukup terbuka.

Profesional pengurusan maklumat Islam hari ini dicadangkan agar menjadikan konsep pengurusan maklumat Al Quran dan Al Hadis (Ulum Al Quran dan Ulum Al Hadis) yang menjadi praktis para ilmuan Islam silam dalam konteks pengurusan maklumat semasa. Asas dalam model pengurusan tersebut memberi jaminan kualiti maklumat yang diakses, distor mahupun disebar. Aplikasi sains pengurusan Al Quran dan Al Hadis adalah sesuatu yang amat penting untuk diberi kefahaman dan dijadikan asas dalam aplikasi pengurusan maklumat hari ini. Konsep ini secara tidak langsung akan membentuk profesional maklumat yang beretika, menghormati maklumat sebagai ilmu dan pada masa yang sama menjadi solusi kepada permasalahan era maklumat seperti penyebaran fitnah dan maklumat palsu, pencerobohan maklumat, kecurian hakcipta dan sebagainya. Pada masa yang sama etika Rasulullah sebagai profesional maklumat yang unggul perlulah diterapkan dalam penghayatan secara realistik dengan menjadikannya piagam ataupun kod etika pprofesional maklumat di peringkat nasional mahupun global. Sifat utama Rasulullah iaitu konsep sidq, amanah, tabligh dan fatanah adalah asas kualiti profesional maklumat.

Satu inisiatif untuk menerbitkan sebuah direktori institusi maklumat yang terlibat dengan pengurusan maklumat Islam secara major serta institusi Islam yang terlibat dengan pengurusan maklumat perlu dilaksanakan sebagai panduan atau rujukan komplementari kepada usaha Perpustakaan Negara Malaysia yang telah menerbitkan Direktori Perpustakaan di Malaysia. Direktori sebegini belum pernah diusahakan dalam negara kita dan ia diyakini amat bermanfaat untuk rujukan golongan profesional dan ahli akademik khususnya serta panduan umum masyarakat secara amnya. Pada masa yang sama, ia mampu menjadi bahan rujukan pengembangan kerjaya yang amat berguna untuk graduan dan profesional pengurusan maklumat.

Penyelidikan ini juga mencadangkan inisiatif segera untuk dilaksanakan penyelidikan susulan ke arah mereka cipta aplikasi sistem bagi tajuk perkara (subject heading) dan skema klasifikasi maklumat di bawah subjek Islam sebagai langkah memantapkan aplikasi sistem yang diguna pakai secara meluas pada hari ini. Adalah dicadangkan agar inisiatif segera untuk merealisasikan ke arah Malaysia merintis satu piawai Malaysia bertaraf global berkaitan tajuk perkara dan sub klasifikasi maklumat 'Islam' (A Global Malaysian Standard of Islamic Subject Headings and Sub-Classification in Knowledge Management). Sistem tersebut perlulah tidak meninggalkan ciri-ciri global yang telah dan sedang digunapakai secara meluas tetapi hendaklah disesuaikan dengan keperluan Islam dan umat sebagaimana usaha mereka cipta sub penyelarasan subjek 'Malaysiana' dalam LCC dan DDC. Ini boleh dilaksanakan dengan kombinasi kemahiran daripada pihak institusi maklumat yang berkemahiran dalam konteks pengurusan maklumat semasa dengan adunan idea dan kemahiran aspek keislaman daripada institusi Islam yang berasaskan maklumat di seluruh negara.

RUJUKAN

1. Shaharom, TM. S. & Wan Abd Kadir, W.D. 1997. "Cabaran Pengurusan Pusat Sumber Maklumat Islam Menjelang Abad 21": Seminar Cabaran Teknologi Maklumat dan Internet: Agenda Umat Islam. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia 25-26 Mac 1997.
2. Ziauddin, S. 1979. Islam: Outline of Classification Scheme. London: Clive Bingley Ltd.